

# BULETIN PRODUK

<b>TERBITAN/TARIKH:</b>	May 3, 2012	<b>NOMBOR BULETIN:</b>	AQ050312
<b>SUBJEK:</b>	Pengendalian & Penyelenggaraan	<b>BARISAN PRODUK:</b>	Semua Sistem UV Aquafine
<b>TOPIK:</b>	<b>PERINGATAN KESELAMATAN KRITIKAL PENGENDALIAN &amp; PENYELENGGARAAN PERALATAN</b>		

## GAMBARAN / HURAIAN

Pada bulan Oktober 2011, sekeping kaca telah dikeluarkan secara paksa daripada Unit UV Aquafine Model SCD-H 1750, mengakibatkan kecederaan parah kepada pekerja pengguna akhir Aquafine. Walaupun siasatan ke atas semua keadaan yang membawa kepada malapetaka ini masih diteruskan, tragedi itu berperanan untuk mengingatkan kita semua betapa pentingnya mematuhi semua langkah berjaga-jaga berkenaan keselamatan yang berkaitan dengan produk tersebut.

Produk Aquafine adalah selamat apabila diselenggarakan dan dikendalikan dengan betul, tetapi, jika mana-mana langkah berjaga-jaga yang diperlukan, termasuklah contoh-contoh yang berikut, tidak dipatuhi, keadaan berbahaya yang serius boleh berlaku, seterusnya membawa kepada risiko **kecederaan badan yang teruk, atau kematian**

## CONTOH-CONTOH LANGKAH BERJAGA-JAGA

Aquafine sekali lagi ingin mengingatkan semua orang berkenaan beberapa prosedur pengendalian dan penyelenggaraan utama untuk memastikan pengendalian peralatan yang betul dan keselamatan mereka yang bekerja pada atau berdekatan peralatan

- **Peralatan hendaklah sentiasa dikendalikan mengikut manual pengendalian.**



- **Peralatan tidak sepatutnya diservis melainkan kuasa elektrik telah ditutup, tidak dapat disambung masuk dan keluar,** tertakluk kepada pengecualian terhad yang dinyatakan dalam manual pengendalian dan apabila kerja dilakukan oleh juruelektrik atau lain-lain individu yang berkelayakan. Kegagalan untuk mematuhi arahan ini boleh menyebabkan renjatan elektrik, kecederaan parah pada tubuh badan dan/atau kematian akibat kejutan elektrik.



- **Penutup soket tidak seharusnya dikeluarkan semasa unit diimbangkan tekanan udara.** Penutup soket tidak seharusnya dikeluarkan semasa unit diimbangkan tekanan udara. Penutup soket direka untuk melindungi pengendali daripada sebarang kaca, air atau bahan lain-lain yang boleh terkeluar daripada unit sekiranya berlaku kegagalan bencana nat mampatan. Terutamanya jika satu unit telah dikendalikan tanpa mematuhi semua prosedur penyelenggaraan yang berkenaan, termasuk penggantian komponen haus seperti lampu dan nat mampatan CPVC, penutup akhir dikeluarkan semasa unit diimbangkan tekanan udara boleh menyebabkan pelentingan paksa lampu, sarung, atau serpihan daripadanya, di mana berpotensi menyebabkan kecederaan tubuh badan

yang serius, atau kematian kepada pengendali atau mereka yang lain. Mengasingkan dan menyalahkan tekanan unit, dengan menutup injap salur masuk dan salur keluar, dan berhati-hati dan perlahan-lahan membuka longkang, perembes udara atau injap setara, **sebelum** menanggalkan penutup soket, akan menghapuskan risiko.



- Pastikan semua penutup dipasang sepenuhnya dan diselak atau dikedatkan (jika berkenaan) dengan betul **SEBELUM** unit diimbangkan tekanan udara.
- Jangan sekali-kali mengubah atau mematikan ciri-ciri yang berkaitan dengan keselamatan seperti sensor suhu, pembilang dan penutup soket.
- Jangan sekali-kali mengendalikan unit pada suhu atau tekanan yang melebihi had operasi yang dinyatakan dalam manual pengendalian.
- Gunakan hanya alat pengetatan nat yang dibekalkan dengan unit untuk mengetatkan nat mampatan. Alat-alat lain boleh merosakkan nat mampatan dan, jika langkah-langkah keselamatan yang lain juga tidak dipatuhi, membawa kepada kegagalan bencana nat mampatan, dan mungkin kecederaan yang serius atau kematian yang disebabkan oleh bahan yang keluar secara paksa daripada unit semasa di bawah tekanan.
- Patuhi semua sela masa penggantian

**yang disyorkan.** Kami mempunyai rangkaian pembekal perkhidmatan dan pengedar alat ganti berdaftar yang terlatih yang layak untuk memberi nasihat tentang sela masa yang betul dan membekalkan alat ganti. **Sela masa penggantian maksimum yang disyaratkan untuk nat mampatan CPVC adalah tiga (3) tahun.**

- **Lakukan Pemeriksaan.** Setiap kali nat mampatan dikeluarkan untuk sebarang sebab, ia perlu diperiksa secara visual untuk perubahan warna dalaman atau luaran, retak atau tanda-tanda haus yang lain. Selain itu, apabila unit tersebut telah diasingkan dan dinyahkan tekanan dengan menutup injap salur masuk dan salur keluar dan berhati-hati dan perlahan-lahan membuka longkang, perembes udara atau injap setara, dan penutup soket dikeluarkan, periksa secara visual untuk semua tanda-tanda retak pada nat mampatan atau tanda-tanda haus lain. **Mana-mana nat mampatan yang menunjukkan kerosakan yang nyata perlu diganti sebelum penutup soket dipasang, dan unit diberi tekanan semula dan diletakkan semula untuk berfungsi.** Peralatan tidak patut dikendalikan semasa nat mampatan yang nyata kelihatan rosak terpasang.
- **Jangan kendalikan lampu melebihi hayat kegunaannya yang telah ditetapkan.** Lampu yang melebihi jangka hayatnya boleh gagal untuk menyala dengan baik, panas melampau dan merosakkan nat mampatan, mungkin akan membawa kepada kegagalan nat mampatan dan, jika langkah-langkah keselamatan yang lain juga tidak dipatuhi, pelentingan paksa lampu, sarung, atau serpihan daripadanya mungkin berlaku di mana berpotensi menyebabkan kecederaan tubuh badan yang serius, atau kematian kepada pengendali atau mereka yang lain.
- **Elakkan pendedahan UV.** Sentiasa mematuhi langkah berjaga-jaga yang ditetapkan dalam manual pengendalian mengenai penggunaan peralatan perlindungan peribadi seperti perisai mata, dan tidak melihat lampu UV bertenaga. Kegagalan berbuat demikian boleh

mengakibatkan kecederaan mata yang serius dan mungkin kekal.

- Dalam kebanyakan pemasangan, unit Aquafine merupakan komponen daripada satu sistem bersepadu yang lebih besar. Berhati-hati terhadap sebarang perubahan yang dibuat kepada sistem anda, seperti menambah atau membuang komponen sistem ini-- ia boleh mengubah keadaan prestasi

**Senarai di atas adalah tidak menyeluruh. Sentiasa patuhi langkah berjaga-jaga dalam manual pengendalian dan mana-mana buletin produk atau kemas kini lain yang berkenaan, dan prosedur pengendalian dan keselamatan standard bagi bekas tekanan jenis ini.**

#### **ASSISTANCE**

Jika anda memerlukan bantuan teknikal, mempunyai pertanyaan atau komen, sila hubungi Pengedar Aquafine Berdaftar anda.

Untuk menghubungi Aquafine secara terus, anda boleh menghubungi Wakil Khidmat Pelanggan atau Bahagian Sokongan Teknikal kami di:

[www.sales@aquafineuv.com](mailto:www.sales@aquafineuv.com)

[www.techsupport@aquafineuv.com](mailto:www.techsupport@aquafineuv.com)